



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 16 Mac 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|-----|--|---|----------|
| 1 | <p>Rang Undang-Undang Warga Emas Ambil Kira Tindakan Terhadap Anak Tidak Bertanggungjawab</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rang-undangundang-warga-emas-ambil-kira-tindakan-terhadap-anak-tidak-bertanggungjawab-410889</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/tindakan-terhadap-anak-tidak-bertanggungjawab-melalui-rang-undang-undang-warga-emas/</p> <p>https://www.theedgemarkets.com/node/659241</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249785/berita/nasional/ruu-warga-emas-ambil-kira-tindakan-terhadap-anak-abai-tanggungjawab</p> | <p>Astro Awani</p> <p>Selangor Kini</p> <p>The Edge Markets</p> <p>Sinar Harian</p> | Neutral |

| | |
|---|--------------------------|
| https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2173194 | Bernamea |
| https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/889448/govt-table-senior-citizens-bill-next-year | NST |
| https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/15/senior-citizens-bill-to-be-tabled-in-parliament-next-year | The Star |
| https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/945823/ruu-warga-emas-ambil-kira-tindakan-terhadap-anak-tidak-bertanggungjawab | Harian Metro |
| https://www.youtube.com/watch?v=HN_kn5zrbZg | Astro Awani |
| https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/15/senior-citizens-bill-targeted-for-2024/ | FMT |
| https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077217/akta-lindungi-warga-emas-beri-tumpuan-aspek-kebijakan?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp | Berita Harian |
| https://www.sinardaily.my/article/192043/malaysia/nasional/senior-citizens-bill-takes-into-account-punishments-for-irresponsible-adult-children | Sinar Daily |
| https://harapandaily.com/ruu-kebijakan-warga-emas-tahun-depan/ | Harapan Daily |
| https://www.edisi9.com.my/2023/03/ruu-warga-emas-anak-abai-tanggungjawab-bakal-dikenakan-tindakan/ | Edisi 9 |
| https://themerdekatimes.com/news/2023/03/ruu-warga-emas-dijangka-dibentang-tahun-depan-timbangan-menteri/ | The Merdeka Times |
| https://www.kwiknews.com.my/2023/03/15/rang-undang-undang-warga-emas-ambil-kira-tindakan-terhadap-anak-tidak-bertanggungjawab/ | Kwiknews |
| https://xuan.com.my/hotspot/%E6%94%BF%E5%BA%9C%E6%8B%9F%E7%AB%8B%E6%B3%95%E6%83%A9%E7%BD%9A%E6%8A%9B%E5%BC%83%E7%88%B6%E6%AF%8D%E7%9A%84%E4%B | Xuan |

| | | | |
|---|--|--|----------------|
| | <p>8%8D%E5%AD%9D%E5%AD%90%E5%A5%B3-85736</p> <p>https://headtopics.com/my/senior-citizens-bill-may-include-penalties-for-irresponsible-adult-children-says-deputy-minister-36662223</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/15/akta-hukum-anak-abai-penjagaan-ibu-bapa-tua-dibentang-tahun-depan/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/59334-kpwkm-akan-wujudkan-akta-untuk-warga-emas</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/658711</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/15/dewan-rakyat-potong-gaji-anak-anak-abai-ibu-bapa/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=dewan-rakyat-potong-gaji-anak-anak-abai-ibu-bapa</p> <p>https://newswav.com/article/rang-undang-undang-warga-emas-ambil-kira-tindakan-terhadap-anak-tidak-berta-A2303_t03zJH</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-teliti-cadangan-undang-undang-wajibkan-potongan-gaji-anak-anak-yang-hantar-ibu-bapa-ke-pusat-jagaan/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2173194</p> | <p>Head Topics</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Kosmo</p> <p>Newswav</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Bernamea</p> | |
| 2 | <p>Dewan Rakyat: Tolak Diskriminasi Terhadap Anak Luar Nikah</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/15/dewan-rakyat-tolak-diskriminasi-terhadap-anak-luar-nikah/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59333-tiada-diskriminasi-kanak-kanak-termasuk-golongan-tidak-sah-taraf</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/15/wujudkan-rumah-perlindungan-anak-tidak-sah-taraf/</p> | <p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p> <p>Harakah Daily</p> | Neutral |

| | | | |
|---|---|--|---------|
| | https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2023/03/15/isu-kebajikan-kanak-kanak-kpwkm-jadi-tumpuan-hari-ini-2/ | Sinar Harian | |
| 3 | <p>Empat Jenis Geran Diberi Kepada PSK Sukarela Jaga Kanak-Kanak</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/empat-jenis-geran-diberi-kepada-psk-sukarela-jaga-kanak-kanak/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/15/empat-jenis-geran-diberi-kepada-pertubuhan-sukarela-jaga-kanak-kanak/</p> | <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p> | Neutral |
| 4 | <p>Isu Gelandangan Bermasalah Mental Di Limbang Akan Diselesai JKM: Polis</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/15/isu-gelandangan-bermasalah-mental-di-limbang-akan-diselesai-jkm-polis</p> | Utusan Borneo | Neutral |
| 5 | <p>Budak Lelaki Dikesan Tidak Bersekolah Selepas Ibu Bapa Sakit</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249873/edisi/melaka-ns/budak-lelaki-dikesan-tidak-bersekolah-selepas-ibu-bapa-sakit</p> | Sinar Harian | Neutral |
| 6 | <p>220 Kanak-Kanak Maut Akibat Penderaan Dalam Tempoh Empat Tahun</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/658746</p> | Malaysia Kini | Negatif |
| 7 | <p>Subsidi Pendidikan Kanak-Kanak India B40 Dibayar Terus Pengurusan Prasekolah</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077364/subsidi-pendidikan-kanak-kanak-india-b40-dibayar-terus-pengurusan</p> | Berita Harian | Neutral |
| 8 | <p>Bomba Terbangkan Bayi Orang Asli Ke Hospital Gua Musang</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/249788/edisi/ke-lantan/bomba-terbangkan-bayi-orang-asli-ke-hospital-gua-musang</p> | Sinar Harian | Neutral |

| | | | |
|----|--|--------------|---------|
| | https://www.kosmo.com.my/2023/03/15/bayi-orang-asli-demam-panas-naik-helikopter-ke-hospital/ | Kosmo | |
| 9 | Eksplotasi Pembantu Rumah: Wanita Dipenjara Setahun, Suami Bebas https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/946041/eksplotasi-pembantu-rumah-wanita-dipenjara-setahun-suami-bebas | Harian Metro | Neutral |
| 10 | Wanita OKU Ambil Upah Kopek Bilis Tampung Keluarga https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/wanita-oku-ambil-upah-kopek-bilis-tampung-keluarga/ | Utusan | Neutral |

RANG UNDANG-UNDANG WARGA EMAS AMBIL KIRA TINDAKAN TERHADAP ANAK TIDAK BERTANGGUNGJAWAB

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rang-undangundang-warga-emas-ambil-kira-tindakan-terhadap-anak-tidak-bertanggungjawab-410889>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang Warga Emas dijangka dibentangkan di Parlimen tahun depan.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri, Aiman Athirah Sabu berkata, kementeriannya akan meneliti kesesuaian undang-undang itu ke atas individu yang tidak bertanggungjawab kepada ibu bapa mereka.

Menurutnya, ia adalah bagi memastikan kesedaran masyarakat umum tentang kepentingan menjaga warga emas akan meningkat.

Bagi tujuan itu beliau memberitahu, kementeriannya menjalankan satu kajian kandungan, pendekatan dan skop.

"Penggubalan akta warga emas ini dilihat sebagai langkah positif yang bersifat holistik untuk melindungi warga emas di Malaysia," katanya di Dewan Rakyat di sini, pada Rabu.

Beliau berkata demikian kepada soalan Mohd Sany Hamzan (PN-Hulu Langat) berhubung sama ada kerajaan berhasrat memperkenalkan undang-undang yang mewajibkan potongan gaji anak-anak yang menghantar ibu bapa mereka di pusat jagaan atau rumah jagaan warga emas.

Pada masa sama, Aiman Atirah berkata, usaha mewujudkan akta itu merupakan inisiatif kementerian dalam menangani isu penuaan menjelang 2030 dengan pendekatan yang dapat mengharmonikan semua pihak.

Beliau turut memberitahu, pihaknya menyambut baik cadangan untuk memperkenalkan undang-undang yang mewajibkan pemotongan gaji kepada individu yang menghantar ibu bapa mereka ke pusat jagaan namun tidak melaksanakan tanggungjawab.

DEWAN RAKYAT: TOLAK DISKRIMINASI TERHADAP ANAK LUAR NIKAH

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/15/dewan-rakyat-tolak-diskriminasi-terhadap-anak-luar-nikah/>

Sumber : Kosmo



KUALA LUMPUR – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menolak sebarang amalan diskriminasi terhadap kanak-kanak luar nikah.

Timbalan Menterinya, Aiman Athirah Sabu berkata, kanak-kanak merupakan permata negara yang perlu dilindungi, dikasihi dan disayangi selari dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak.

“Ketika ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 18 buah institusi kanak-kanak iaitu 16 buah Rumah Kanak-Kanak.

“Memberi perkhidmatan pemeliharaan dan perlindungan kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah usia 18 tahun termasuk bayi dan kanak-kanak yang tidak sah taraf,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Dr. Abd Ghani Ahmad (PN-Jerlun) adakah kerajaan bercadang mewujudkan pusat jagaan khas anak luar nikah di seluruh negara. – KOSMO! ONLINE

EMPAT JENIS GERAN DIBERI KEPADA PSK SUKARELA JAGA KANAK-KANAK

<https://www.buletintv3.my/nasional/empat-jenis-geran-diberi-kepada-psk-sukarela-jaga-kanak-kanak/>

Sumber : Buletin TV3



Kuala Lumpur : Empat jenis geran diberikan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar termasuk kanak-kanak.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aiman Athirah Sabu berkata, bantuan kewangan kerajaan itu bagi menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh PSK.

“Bagi menggalakkan pewujudan masyarakat penyayang dan merealisasikan ‘kebijakan tanggungjawab bersama’ serta menanam sifat rahmah dalam kalangan masyarakat, kementerian juga menyediakan platform secara dalam talian yang dikenali sebagai sistem mycorporate care (mycc). Sistem ini merupakan alternatif sektor kerajaan, sektor korporat, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan individu untuk menyalurkan sumbangan kepada PSK yang berdaftar berdasarkan keperluan yang dikehendaki,” katanya di Dewan Rakyat.

Geran yang diberikan termasuk geran rangsum (makan minum), geran pentadbiran, geran perkapita dan geran pembaikan.

Menurutnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat JKM memperkenalkan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga PBK dalam pengurusan kes kanak-kanak tersebut.

Penempatan kanak-kanak dalam institusi kekeluargaan akan memberi peluang kepada kanak-kanak mendapat penjagaan dan pemeliharaan dalam suasana kekeluargaan, mendapat kasih sayang dan kemesraan keluarga.

Sementara itu beliau berkata, JKM mempunyai 18 buah institusi kanak-kanak dan daripada jumlah itu sebanyak 16 memberi perkhidmatan pemeliharaan dan perlindungan kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah 18 tahun termasuk bayi dan kanak-kanak yang tak sah taraf.

ISU GELANDANGAN BERMASALAH MENTAL DI LIMBANG AKAN DISELESAI JKM: POLIS

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/03/15/isu-gelandangan-bermasalah-mental-di-limbang-akan-diselesai-jkm-polis>

Sumber : Utusan Borneo



LIMBANG: Isu gelandangan bermasalah mental yang kerap mengganggu peniaga di bandar ini sehingga menimbulkan kebimbangan orang ramai sudah dimaklumkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Limbang.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Parum Niot berkata, pihaknya masih menunggu maklum balas daripada JKM berhubung isu berkenaan agar tindakan segera diambil.

Bagaimanapun katanya, pihaknya melalui Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (BSJD) akan menghantar semula surat untuk mendapatkan keputusan daripada pihak JKM secepat mungkin.

“JKM sudah dimaklumkan mengenai masalah gelandangan di Limbang.

“Dalam perjumpaan bersama persatuan Cina baru-baru ini kita juga mahu semua premis dan taman perumahan dipasang kamera litar tertutup,” katanya kepada media di sini, hari ini.

Berhubung isu kekurangan tempat letak kenderaan di bandar, pihaknya melalui Ketua Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah (BSPTD) mengambil pendekatan memberi amaran terlebih dahulu kepada kenderaan yang diparkir sembarangan sehingga menghalang lalu lintas.

“Perkara ini juga telah diutarakan kepada Majlis Daerah Limbang dan dalam tindakan,” katanya.

Selain masalah gelandangan dan kekurangan parkir, isu yang turut dibincangkan termasuk meminta peniaga kedai emas agar lebih peka dengan urusan jual beli emas yang mencurigakan dengan mengambil gambar penjual dan barang kemas, selain mendapatkan maklumat dan prosedur sekiranya persatuan-persatuan Cina ingin menjemput warga asing untuk hadir pada majlis mereka.

Turut hadir pada Hari Bertemu Pelanggan Ibu Pejabat Polis (IPD) Limbang bersama ketua masyarakat Cina dan Persatuan Peniaga Cina itu ialah Pemanca Leong Boon Ming dan ketua masyarakat Cina lain serta pegawai-pegawai kanan IPD Limbang.

BUDAK LELAKI DIKESAN TIDAK BERSEKOLAH SELEPAS IBU BAPA SAKIT

<https://www.sinarharian.com.my/article/249873/edisi/melaka-ns/budak-lelaki-dikesan-tidak-bersekolah-selepas-ibu-bapa-sakit>

Sumber : Sinar Harian



SEREMBAN - Seorang kanak-kanak lelaki di sebuah kediaman di sini dikesan tidak pernah bersekolah selepas kedua ibu bapanya dipercayai mengalami masalah kesihatan sejak 12 tahun lalu.

Exco Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Sembilan, Nicole Tan Lee Koon berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kisah kanak-kanak berusia 12 tahun itu pada minggu lalu.

Menurutnya, kanak-kanak berkenaan tinggal bersama ibunya berusia 43 tahun, neneknya, 63 dan bapa saudaranya berumur 25 tahun.

"Alasan sebenar ibunya tidak menyekolahkan kanak-kanak itu tidak dapat dipastikan setakat ini kerana berdasarkan maklumat, ibunya mempunyai masalah mental dan sudah lama tidak mendapatkan rawatan.

"Bapanya pula bekas pegawai bank menjadi gelandangan sejak lima tahun lepas selepas dihalau oleh isterinya kerana mendakwa bimbang penyakit kaki gajah yang dialami suaminya itu akan menjangkiti anak tunggal mereka," katanya kepada pemberita ketika menyantuni keluarga kanak-kanak itu di kediamannya pada Rabu.



Nicole menunjukkan foto kaki Augustine.

Mengulas lanjut, Nicole berkata, bertindak atas maklumat berkenaan dan hasil perbincangan dengan keluarga terbabit, hak penjagaan sementara kanak-kanak itu akan diserahkan kepada nenek dan bapa saudaranya.

"Ia bagi membolehkan urusan berkaitan persekolahan kanak-kanak itu dapat dilakukan dengan baik. Justeru, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengemukakan permohonan perintah mahkamah bagi tujuan tersebut secepat mungkin," ujarnya.

Beliau berkata, ibunya akan dirujuk ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS) pada Rabu dan pihaknya akan menjalankan operasi menyelamatkan bapa kanak-kanak terbabit untuk ditempatkan di rumah transit gelandangan Negeri Sembilan, Rumah Minda Ceria (RMC).

"Bapanya dikenali sebagai Augustine berumur 45 tahun, kerap tidur di kaki lima, bangunan tinggal dan tempat lusuh. Dia juga sering dilihat menunggang motosikal.

"Kita mahu dia pulih dan sihat seterusnya menjalani kehidupan normal selain mampu berdikari serta mendapat pekerjaan. Akhirnya dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang suami dan bapa," katanya.



Nicole (dua kanan) berkesempatan menyapa ibu kanak-kanak itu sebelum di bawa ke HTJS pada Rabu menaiki kenderaan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Dalam pada itu, Nicole turut menjelaskan Augustine pernah menerima sumbangan bakul makanan daripadanya dan ketika itu, dia memberitahu akan menjalani pembedahan kaki pada Oktober tahun lepas.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai keberadaan Augustine diminta menghubungi Nicole di talian 012-3626977 atau Penyelia RMC, Sarvin 017-5438212.

220 KANAK-KANAK MAUT AKIBAT PENDERAAN DALAM TEMPOH EMPAT TAHUN

<https://www.malaysiakini.com/news/658746>

Sumber : Malaysia Kini



Terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022, kata Menteri Dalam Negeri Saifuddin Nasution.

Ini menurut jawapan bertulis parlimen pada 14 Mac kepada Ahli Parlimen Temerloh Salamiah Mohd Nor yang meminta statistik kematian kanak-kanak akibat kes penderaan.

Dia memberikan butiran lanjut data mengikut jantina, iaitu 133 kes kematian bagi lelaki dan 89 kes bagi perempuan.

"Siasatan kes penderaan kanak-kanak yang mengakibatkan kematian dijalankan mengikut peruntukan undang-undang Akta Kanak-Kanak 2001 dan Kanun Keseksaan.

ADS

"Statistik kematian kanak-kanak akibat kes penderaan antara 2018 hingga 2022 adalah sebanyak 220 kes," kata Saifuddin dalam jawapan itu.

Sebanyak 154 daripada kes itu telah diselesaikan, tambahnya.

Pada penghujung Disember tahun lalu dan awal Januari tahun ini, kes dua kanak-kanak kecil maut akibat didera menggemparkan negara.

Pada Disember, seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun di Johor meninggal dunia akibat kecederaan serius dipercayai akibat penderaan fizikal dan penyeksaan oleh rakan-rakan kakaknya.

Seminggu kemudian, dilaporkan seorang kanak-kanak perempuan kurang upaya berusia enam tahun di Sarawak didera, kemudian dibunuh, didakwa oleh teman lelaki ibunya.

Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak.

Daripada jumlah itu, 706 kes melibatkan perempuan manakala 349 kes lelaki.

SUBSIDI PENDIDIKAN KANAK-KANAK INDIA B40 DIBAYAR TERUS PENGURUSAN PRASEKOLAH

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077364/subsidi-pendidikan-kanak-kanak-india-b40-dibayar-terus-pengurusan>

Sumber : Berita Harian



PUTRAJAYA: Bayaran subsidi pendidikan kanak-kanak India B40 dibayar terus kepada pengurusan prasekolah dan bukan kepada ibu bapa, demikian menurut Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Menurut kenyataan MITRA hari ini, pihak itu kesal dengan tindakan pihak tertentu yang cuba melirukan masyarakat India berhubung perkara itu terutama ibu bapa kanak-kanak B40 terbabit.

Menurut Mitra, ia mengadakan pemantauan berhubung pelaksanaan program tersebut di semua negeri dan perjumpaan dengan ibu bapa bagi memastikan bantuan kewangan kerajaan itu digunakan sewajarnya.

"Tindakan ini adalah untuk memastikan kanak-kanak tersebut akan menerima pendidikan awal prasekolah seperti dizahirkan oleh kerajaan Malaysia bagi memastikan semua kanak-kanak menerima pendidikan prasekolah," menurut kenyataan itu.

MITRA memperuntuk geran sebanyak RM13,068,862 bagi membiayai subsidi pendidikan prasekolah kanak-kanak India B40 yang lingkungan berusia empat hingga enam tahun pada 2022 yang memanfaatkan sejumlah 5,164 orang.

Bantuan itu, yang disalur melalui lima organisasi membabitkan 214 pusat prasekolah di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor serta Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur, meliputi yuran pendidikan bagi sesi persekolahan mulai Mac 2022 hingga Februari 2023 termasuk subsidi sekali beri iaitu buku dan lembaran kerja, kit permulaan (pakaian seragam dan alat tulis) serta sarapan.

BOMBA TERBANGKAN BAYI ORANG ASLI KE HOSPITAL GUA MUSANG

<https://www.sinarharian.com.my/article/249788/edisi/kelantan/bomba-terbangkan-bayi-orang-asli-ke-hospital-gua-musang>

Sumber : Sinar Harian



GUA MUSANG - Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan penerbangan ihsan pemindahan perubatan (Medevac) membawa seorang bayi perempuan Orang Asli yang mengalami demam dan bernafas laju dari Pos Simpor ke Hospital Gua Musang, semalam.

Pegawai Perhubungan Awam JBPM Pangkalan Udara Wilayah Utara, Pulau Pinang, Penolong Penguasa Bomba Muhammad Akmaluddin Said berkata, Masariani Rosli, berusia lapan bulan yang dalam keadaan lemah dan pucat dipangku ibunya, Hamisa Ohsin, 23, menaiki pesawat jenis Agusta Westland 139.

"Pesawat berlepas dari Kerteh, Terengganu kerana menjalani latihan pada pagi semalam dan berlepas ke Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gua Musang pada 2.15 petang setelah mendapat arahan memindahkan bayi terbabit yang dilaporkan sakit sejak dua hari lepas," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, pesawat terlebih dahulu tiba di BBP Gua Musang pada 3.11 petang bagi mengambil seorang kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum meneruskan penerbangan ke Pos Simpor.



Petugas mengiringi bayi dan ibunya untuk menaiki penerbangan ke Hospital Gua Musang, pada Selasa. - Foto JBPM

"Pesawat tiba di Pos Simpang pada 3.20 petang dan kembali ke BBP Gua Musang pada 3.48 petang bersama pesakit dan seterusnya dibawa ke Hospital Gua Musang dengan menggunakan ambulans KKM yang sudah menanti di BBP Gua Musang," katanya.

Menurut Muhammad Akmaluddin, operasi melibatkan empat kru dengan diketuai Timbalan Penguasa Bomba II, Sharizal Sahari berlepas pulang ke Pangkalan Udara Wilayah Utara pada 3.49 petang.

"Operasi memakan masa selama dua jam 42 minit dan tamat sepenuhnya pada 4.44 petang setibanya di Pulau Pinang," katanya. – Bernama

EKSPLOITASI PEMBANTU RUMAH: WANITA DIPENJARA SETAHUN, SUAMI BEBAS

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/946041/eksploitasi-pembantu-rumah-wanita-dipenjara-setahun-suami-bebas>

Sumber : Harian Metro



Putrajaya: Mahkamah Rayuan di sini hari ini menjatuhkan hukuman penjara setahun ke atas seorang wanita kerana menyeludup masuk dua pembantu rumah warga asing dan mengeksploitasi mereka untuk bekerja di rumahnya serta perniagaan pembersihan tanpa membayar upah.

Panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Hanipah Farikullah, Datuk See Mee Chun dan Datuk Azman Abdullah memutuskan demikian selepas menolak rayuan Chong Chon Lang, 60, untuk mengetepikan sabitan terhadapnya bagi kesalahan itu.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan rayuan suri rumah itu untuk mengurangkan tempoh hukuman penjara yang dijatuhkan terhadapnya daripada 12 tahun kepada 12 bulan.

Mahkamah Rayuan membuat keputusan itu selepas berpendapat hukuman penjara 12 tahun yang dijatuhkan ke atas Chong oleh Mahkamah Sesyen adalah keterlaluan selain mengambil kira faktor usia tertuduh.

Panel berkenaan turut melepas dan membebaskan suami wanita itu, Low Kee Pat, 62, daripada pertuduhan sama selepas memutuskan bahawa dia tidak terlibat mengeksploitasi kedua-dua pembantu rumah terbabit yang merupakan warga Indonesia dan Kemboja.

Hanipah, yang membacakan keputusan mahkamah, berkata bukti secara keseluruhan menunjukkan Chong telah menggunakan kedua-dua pembantu rumahnya untuk menawarkan khidmat membersihkan rumah orang lain tanpa membayar upah kepada mereka.

Pada 10 Jan 2019, Mahkamah Sesyen mendapati pasangan suami isteri itu bersalah atas pertuduhan mengeksploitasi seorang wanita warga Kemboja, 28, di sebuah rumah di Taman

Rawang Perdana, Rawang di antara 13 Mei 2010 dan 14 Julai 2016 serta seorang wanita warga Indonesia, 30, di tempat sama di antara Mac 2015 dan 14 Julai 2016.

Chong dan Low, yang juga bekas kontraktor, telah dihukum penjara 12 tahun bagi setiap pertuduhan dan hukuman berjalan serentak.

Mereka kemudian mengemukakan rayuan di Mahkamah Tinggi namun ditolak pada 29 Mei 2020.

Pada prosiding hari ini, peguam Sreekant Pillai yang mewakili pasangan itu berhujah bahawa pendakwa telah gagal membuktikan pertuduhan mengeksploitasi.

Beliau berkata, anak guamnya telah menggunakan ejen untuk mendapatkan kedua-dua pembantu rumah secara sah dan mereka dilayan dengan baik serta dibayar gaji.

Katanya jika mereka dibawa untuk membersihkan sebuah atau dua buah rumah lain, perbuatan itu tidak terjumlah kepada definisi eksploitasi dan buruh paksa di bawah Seksyen 2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

Peguam itu berkata pertuduhan terhadap anak guamnya sepatutnya adalah di bawah Akta Imigresen atau Kanun Keseksaan yang memperuntuk hukuman lebih ringan.

Timbalan Pendakwa Raya Aznee Salmie Ahmad pula berkata, di bawah terma pekerjaan, kedua-dua wanita hanya sepatutnya bekerja di rumah pasangan itu namun mereka sebaliknya telah dipaksa membersihkan rumah orang lain.

Beliau berkata Chong telah memungut wang bagi khidmat pembersihan rumah namun kedua-dua pembantu rumahnya tidak menerima sebarang bayaran sebagai upah melakukan pekerjaan itu.

WANITA OKU AMBIL UPAH KOPEK BILIS TAMPUNG KELUARGA

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/wanita-oku-ambil-upah-kopek-bilis-tampung-keluarga/>

Sumber : Utusan



ALOR SETAR:: Seorang wanita yang juga orang kurang upaya (OKU) terpaksa mengambil upah mengopek ikan bilis untuk menambah pendapatan keluarga ekoran kesempitan hidup. Sofiah Abu Seman, 46, yang kudung kaki kiri akibat komplikasi kencing manis selain kabur penglihatan itu memberitahu, suaminya, Karin Md. Saad, 49, tidak mempunyai pekerjaan tetap dan sekadar mengambil upah kerja kampung. “Upah kopek bilis ini dapatlah...